



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

**(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY
MALAYSIA)**

WISMA TANI

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : pro@moa.gov.my

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

KENYATAAN MEDIA PROGRAM BENCHMARKING AGROPRENEUR MUDA DI JEPUN

Program Benchmarking Agropreneur Muda MOA tahun 2019 di Jepun adalah merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk menggalakkan penglibatan golongan muda dan belia di dalam sektor pertanian dan industri asas tani melalui perkongsian dan pemindahan teknologi yang baharu.

Program ini antaranya peserta dapat melihat sendiri Pusat Pengumpulan dan Jualan secara bidaan bagi komoditi buah, sayur dan ikan di Ota Market, Toyosu Market dan Tsukiji Market. Fasilitas dan logistik di pasar tersebut juga dapat membuka minda peserta dalam memajukan lagi projek mereka kelak. Dalam pada masa yang sama juga, para peserta dibawa ke JA Tokyo Agri Park bagi melihat promosi produk berasaskan pertanian di pusat bandar. Para peserta juga diberi penerangan oleh Penasihat Pertanian Tokyo berkenaan dengan peluang hasil-hasil pertanian Malaysia yang boleh ditembusi bagi pasaran Jepun.

Pada hari kedua pula, para peserta dibawa ke JA Chiba Mirai Farmer's Market bagi melihat dan menimba ilmu berkaitan model perniagaan dari petani terus ke pengguna. Di sini para peserta didedahkan bagaimana petani mengumpulkan hasil ladang dan terus dibawa ke pusat jualan serta menetapkan sendiri harga untuk dijual kepada pengguna. Seterusnya, para peserta dibawa ke The National Agriculture and Food Research Organization (NARO) bagi memberi pendedahan berkaitan evolusi pertanian di Jepun termasuk kajian-kajian yang dilaksanakan di organisasi tersebut.

Pada hari ketiga, peserta dibawa ke Sayama Berryland bagi taklimat dan pendedahan berkaitan konsep Agro Pelancongan dan teknologi di dalam tanaman yang dilaksanakan oleh syarikat tersebut.

Dengan penganjuran program ini, Unit Agropreneur Muda, MOA mengharapkan para peserta dapat menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan projek seterusnya dapat disampaikan serta dikongsi bersama semua peserta Agropreneur Muda di Malaysia kelak.

**Unit Agropreneur Muda
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
13 Disember 2019**